



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

## Lelaki Heret Kucing didenda RM10,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	28	19 Dis

### Lelaki heret kucing didenda RM10,000

**KUALA LUMPUR** - Tindakan seorang lelaki mengheret kucing peliharaannya dengan menarik tali yang diikat pada leher haiwan berkenaan mengundang padah apabila Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, menjatuhi hukuman denda RM10,000.

Goh Kuan Pan, 43, selaku orang kena saman (OKS) dikenakan hukuman tersebut selepas mengaku bersalah atas satu pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim Norina Zainol Abidin.

Pada masa sama, mahkamah turut memerintahkan kucing tersebut diletakkan di bawah jagaan sementara, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


Mengikut pertuduhan, Kuan Pan didakwa mengheret seekor kucing baka *British Shot Hair* berwarna kelabu di lantai dengan menggunakan tali hingga mengundang penderitaan yang tidak perlu terhadap haiwan tersebut.

Kesalahan itu dilakukan di laluan bangunan sebuah apartmen di Jalan Klang Lama di sini antara jam 11.17 hingga 11.42 malam, 21 November lalu.

Semasa prosiding, Pegawai Pendakwa JPV Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Syed Hilfi Syed Ali mencadangkan OKS dikenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran.

Sebelum ini media melaporkan seorang individu yang disyaki mendera kucing dalam satu video tular baru-baru ini ditahan di rumahnya pada 24 November lalu.

Dalam rakaman berdurasi sembilan saat, memaparkan seorang lelaki menarik seekor kucing dengan menggunakan tali diikat di leher haiwan itu.



Kuan Pan didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Rabu kerana mengheret kucing peliharaannya dengan menarik tali yang diikat pada leher.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	9	19 Dis

# Lelaki tular heret kucing didenda RM10,000

**KUALA LUMPUR:** Seorang lelaki yang tular mengheret seekor kucing peliharaannya bulan lalu didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini atas perbuatan tersebut.


Hakim Norina Zainol Abidin membuat keputusan itu selepas Goh Kuan Pan, 43, mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang dikemukakan terhadapnya.

Sekiranya gagal membayar denda berkenaan, lelaki itu boleh dipenjara selama dua bulan.

Pada 2 Disember lalu, Kuan Pan turut didenda RM100 oleh Mahkamah Majistret di sini selepas mengaku bersalah atas pertuduhan serupa. Pendakwaan pada tarikh berkenaan dibuat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955.

Pada prosiding semalam, lelaki yang bekerja sebagai eksekutif jualan itu didakwa telah menyeret seekor kucing baka *British Short Hair* berwarna kelabu di atas lantai menggunakan seutas tali berwarna merah jambu di laluan koridor sebuah apartment, Jalan Klang Lama, di antara 11.17 hingga 11.42 malam, pada 21 November lalu.

Kesalahan itu didakwa di bawah Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 44(1) Akta Binatang 2013 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau pen-



GOH KUAN PAN

jara minimum satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Wilayah Kuala Lumpur, Syed Hilfi Syed Ali mencadangkan hukuman yang setimpal dikenakan terhadap Kuan Pan sebagai pengajaran kepada lelaki itu dan dilucut hak penjagaan kucing tersebut.

Bagaimanapun, peguam bela, Gabriel Susayan yang mewakil Kuan Pan merayu untuk mahkamah memberikan satu perintah bon kelakuan baik dengan cagaran serta hukuman denda yang minimum.

“Pihak pembelaan juga memohon supaya tidak dilucut hak penjagaan dan kucing dipulangkan kembali kepadanya. Dia berjanji akan menjaga kucing dengan baik selepas ini.

“Saya difahamkan, anak guam saya bekerja sebagai eksekutif jualan dan pemasaran yang memperoleh pendapatan RM5,000 sebulan dan perlu menanggung kedua ibu bapanya. Dia juga tidak mempunyai sebarang rekod jenayah yang lampau dan telah menjimatkan masa dan kos mahkamah,” kata Gabriel.

Mengikut fakta kes, pada 23 November lalu, Pegawai Veterinar, Dr. Siti Nor Ain Fatihah Hamzah bersama tiga Pegawai Kebajikan Haiwan Jabatan Veterinar Wilayah Kuala Lumpur telah bertindak ke atas satu aduan awam berkaitan satu rakaman tular di media sosial berkenaan seekor kucing yang diheret menggunakan seutas tali.

Pasukan telah mengambil seekor kucing jantan baka *British Short Hair* berwarna kelabu dan satu utas tali berwarna merah jambu berukuran 153 sentimeter daripada lelaki itu untuk siasatan lanjut.

Kucing tersebut telah diperiksa oleh pegawai veterinar dan mendapat keadaan kucing sihat dan tiada sebarang kecederaan. Kucing kini berada di bawah jagaan jabatan itu.

## Lelaki Tular Ikat Leher Kucing dan Heret Didenda RM10,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Kes	Online	18 Dis



Rakaman video tular memaparkan seorang lelaki menganiaya seekor kucing dengan menariknya menggunakan tali yang diikat pada leher haiwan itu.

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki yang tular kerana mengheret kucing peliharaannya secara paksa dengan mengikat leher haiwan itu menggunakan tali didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Hukuman diputuskan Hakim Norina Zainol Abidin ke atas Goh Kuan Pan, 43, selepas orang kena saman itu mengaku salah atas pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Kuan Pan didakwa dengan tidak

wajar berwarna kelabu di atas lantai dengan menggunakan seutas tali berwarna merah jambu yang membenarkan penderitaan tidak perlu terhadap kucing itu.

Kesalahan dilakukan di koridor sebuah kondominium di Jalan Klang Lama, di sini, antara jam 11.17 malam hingga 11.42 malam pada 21 November lalu.

Kuan Pan didakwa mengikut Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 dan boleh dihukum mengikut Seksyen

44(1) Akta Binatang (pindaan) 2013 yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau keduanya, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Syed Hilfi Syed Ali yang mengendalikan kes memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran.

"OKS (orang kena saman) boleh mengangkat kucing itu jika ia tidak mahu berjalan. Pihak pendakwaan mohon untuk kucing dilucut hak kepada JPV sehingga berjumpa pemilik baharu yang sesuai menjaga kucing terbabit," katanya.

Sementara itu, Peguam Gabriel Susayan yang mewakili tertuduh memohon hukuman ringan atas alasan anak guamnya mempunyai tanggungan keluarga.

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM10,000 dan memerintahkan OKS dipenjara dua bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Pada masa sama, mahkamah memerintahkan kucing dinamakan 'Yuan' diletakkan bawah jagaan selamat JPV sehingga menerima permohonan semula oleh

OKS atau penjaga baharu yang dipersetujui.

Tertuduh membayar denda berkenaan.

Media sebelum ini melaporkan Persatuan Haiwan Malaysia memohon saksi utama yang merakam kejadian tampil membuat laporan polis supaya Sistem Keadilan Jenayah Haiwan dapat dijalankan dengan baik.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian berkenaan daripada seorang individu selepas tular rakaman video berdurasi sembilan saat dimuat naik oleh pemilik akaun TikTok.

Rakaman video berkenaan memaparkan seorang lelaki menganiaya seekor kucing dengan menariknya menggunakan tali yang diikat pada leher haiwan itu.

Bertindak atas maklumat, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah (D9) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields menahan suspek di kediamannya.-  
**BHONLINE**

## JPV Rawat 100 Lembu Terkesan Akibat Banjir Secara Percuma

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malay Mail	Malaysia	Online	18 Dis



LEMBU milik Azman yang mengalami penyakit kulit akibat berada terlalu lama dalam air.

FOTO Siti Rohana Idris

Tumpat: Lebih 100 lembu yang terjejas banjir di Pengkalan Kubor menerima rawatan percuma dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan.

Bukan hanya lemah dan tidak bermaya, sebahagian besar lembu turut mengalami penyakit kulit sehingga melepuh, terkoyak dan berdarah terutama apabila ada yang berendam sehingga seminggu ketika banjir lalu.

Kesemua lembu itu disuntik dengan antibiotik, vitamin

dan ubat tahan sakit secara percuma bagi meringankan beban penduduk kampung yang sedia ada terkesan.

Menurut penternak dari Kampung Kajang Sebidang, di sini, Azman Ibrahim, 42, seekor dari dua lembunya, melepuh dan terkoyak kulit di kaki akibat berada terlalu lama dalam air.

Dia berkata, lembu betinanya yang berusia lapan tahun itu sedang bunting dan berada dalam kesakitan akibat keempat-empat kakinya luka sehingga tersiat kulit.

"Ketika banjir lalu, dua lembu saya diletakkan di dalam kandang di hadapan rumah dan tidak sangka air akan melimpah dan menjelaskan ternakan saya walau sudah diletakkan di kawasan sedikit tinggi.

"Hampir seminggu dua lembu saya berendam dalam air menyebabkan kakinya melepuh dan tersiat sehingga ia sukar tidur serta menggerakkan kaki.

"Saya ada juga membeli ubat dan sudah menyapunya sejak beberapa hari lalu dan apabila ada pasukan JPV datang hari ini untuk rawatan percuma, syukur Alhamdulillah," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Azman berkata, dia berharap lembunya dapat diselamatkan memandangkan kecederaan yang dialami agak teruk namun reda jika berlaku dengan sebarang kemungkinan.

Selain Tumpat, JPV turut memberikan rawatan percuma sempena pasca banjir itu di Pasir Mas, Bachok, Pasir Puteh, Jeli dan Machang.

Seorang lagi penternak, Mohd Ali Sa'amah, 62, berkata, dia berdepan kebimbangan jika ada dalam kalangan 10 ekor lembunya

ditimpa penyakit selepas banjir dan disebabkan itu, langkah JPV memberikan rawatan percuma sangat melegakannya.

"Empat lembu saya tambat di kandang belakang rumah manakala selebihnya di Jalan Keselamatan dan Pembangunan (Kesban) kerana di situ kawasan tinggi dan selamat.

"Walaupun tidak terendam air, ada juga lembu yang sakit disebabkan faktor lain menyebabkan tiada selera makan dan lemah maka ia memerlukan vitamin untuk pulih seperti biasa," katanya.- **MYMETRO**

## JPV Rawat 100 Lembu Terkesan Akibat Banjir Secara Percuma

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malay Mail	Malaysia	Online	18 Dis



Gambar hiasan - REUTERS

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki yang videonya tular kerana menganiaya seekor kucing didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan menyeret haiwan peliharaannya, bulan lepas.

Hakim Norina Zainol Abidin menjatuhkan hukuman itu ke atas Goh Kuan Pan, 43, selepas lelaki itu selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku bersalah dan memerintahkan dia dipenjara dua bulan jika gagal membayar denda.

Mahkamah turut

memerintahkan kucing berkenaan diletakkan di bawah jagaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) selagi tiada permohonan mengambil semula haiwan itu oleh OKS.

Lelaki itu didakwa menyeret seekor kucing baka British Short Hair berwarna kelabu menggunakan seutas tali berwarna merah jambu, menyebabkan penderitaan tidak perlu terhadap kucing berkenaan, di laluan koridor sebuah pangsapuri, Jalan Klang Lama dekat sini antara

11.17 malam dan 11.42 malam, 21 Nov lepas.

Pertuduhan mengikut Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 [Akta 647] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 44(1) Akta Binatang (Pindaan) 2013 [Akta A1452] yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum setahun.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa JPV WPKL Syed Hilfi Syed Ali memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran terhadap OKS.

“OKS boleh mengangkat kucing itu jika ia tidak mahu berjalan. Pihak pendakwaan mohon untuk kucing dilucut hak kepada JPV sehingga berjumpa pemilik baharu yang sesuai menjaga kucing berkenaan,” kata Syed Hilfi.

Peguam Gabriel Susayan yang mewakili tertuduh memohon hukuman ringan atas alasan anak guamnya mempunyai tanggungan keluarga.

Pada 25 Nov lepas, Bernama melaporkan polis menahan seorang lelaki di Jalan Klang Lama kerana disyaki melakukan penganiayaan terhadap seekor kucing.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Rusdi Mohd Isa

berkata lelaki warga tempatan itu ditahan sepasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah (D9), Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields di kediamannya pada 6.10 petang.-[THE SUN](#)

## Selangor Tubuh Jawatankuasa Pantau Lembu Liar Di Sabak Bernam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malay Mail	Malaysia	Online	18 Dis



Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Selangor, Datuk Rizam Ismail bercakap mengenai isu lembu ternakan terbiar bebas di tanah milik SD Guthrie, Sabak Bernam pada sidang media di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. FOTO FAIZ ANUAR

Shah Alam: Kerajaan Selangor bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa bagi memantau aktiviti penternakan lembu liar di ladang SD Guthrie, Sabak Bernam.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna negeri, Datuk Rizam Ismail berkata, ia susulan haiwan yang berkeliaran itu terbabit kemalangan sehingga meragut nyawa pengguna jalan raya selain menceroboh Hospital Tengku Ampuan

Jemaah (HTAJ).

Menurutnya, jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh beliau dan dianggotai Pegawai Daerah Sabak Bernam serta agensi berkaitan.

"Lembu yang dibiarkan bebas ini bukan sahaja menjadkan keselamatan, tetapi juga menimbulkan keresahan dan kemarahan dalam kalangan masyarakat setempat.

"Malah, perkara yang sama juga mendapat perhatian

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) semasa sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada sesi lalu," katanya pada sidang media, di sini hari ini.

Ketika ditanya berhubung mesyuarat yang diadakan semalam, Rizam yang juga Adun Sungai Air Tawar berkata, SD Guthrie memaklumkan lembu yang berkeliaran dalam kawasannya adalah milik penternak yang menduduki tanah secara tidak sah.

"Pihak ladang sudah mengenal pasti penternak terbabit dan akan mengeluarkan notis rasmi kepada mereka supaya memindahkan haiwan ternakan selewat-lewatnya 31 Januari tahun depan.

"Untuk langkah penyelesaian jangka pendek dua lokasi alternatif sudah dicadangkan untuk menempatkan haiwan ini iaitu Sungai Lang dan Tebuk Jawa.

"Bagi penyelesaian jangka panjang pula adalah penternak dinasihatkan untuk memohon tanah 'Temporary Occupation Licence' (TOL) daripada Kerajaan Negeri," katanya.

Rizam berkata, Kerajaan Selangor menyatakan komitmen untuk menyelesaikan isu ini secara menyeluruh selain menyeru

semua pihak supaya memberi kerjasama dalam melaksanakan langkah yang sudah dipersetujui.

"Diharapkan dengan pelaksanaan ini tragedi sama dapat dielakkan dan tidak lagi berulang pada masa akan datang," katanya.- [MYMETRO](#)

## SD Guthrie Akan Keluar Notis Rasmi Arah Penternak Pindah Lembu - Exco

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malay Mail	Malaysia	Online	18 Dis



Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Selangor Datuk Rizam Ismail

SHAH ALAM, 18 Dis (Bernama) -- SD Guthrie akan mengeluarkan notis rasmi kepada penternak lembu yang menduduki tanah syarikat itu secara tidak sah, untuk memindahkan haiwan ternakan dari ladang mereka di Sabak Bernam, selewat-lewatnya 31Jan ini.

Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Selangor Datuk Rizam Ismail berkata keputusan itu antara yang dicapai dalam mesyuarat diadakan antara beliau bersama pihak SD Guthrie, semalam.

Beliau berkata langkah itu susulan aduan pelbagai pihak berkaitan lembu ternakan yang didakwa dibiar bebas sehingga menjelaskan keselamatan penduduk serta berlakunya insiden seorang lelaki meninggal dunia pada 23 Okt lepas, ekoran motosikal ditunggangnya melanggar seekor lembu di Sabak Bernam.

"Pada mesyuarat itu, SD Guthrie telah memberikan penerangan dan menyatakan bahawa lembu-lembu berkeliaran itu bukan milik mereka, sebaliknya milik

penternak yang menduduki tanah milik SD Guthrie secara tidak sah.

"SD Guthrie telah mengenal pasti penternak terbabit," katanya dalam kenyataan hari ini.


Rizam berkata untuk langkah penyelesaian jangka pendek, mesyuarat itu turut mencadangkan lokasi alternatif sementara seperti di Sungai Lang dan Tebuk Jawa di Sabak Bernam bagi menempatkan haiwan ternakan berkenaan.

"Dalam masa sama, penternak dinasihat untuk memohon tanah bagi lesen pendudukan sementara (TOL) daripada kerajaan negeri sebagai penyelesaian jangka panjang," katanya.

Beliau berkata mesyuarat itu bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatan kuasa khas yang bertanggungjawab memantau aktiviti penternakan di Ladang SD Guthrie yang akandipengerusikan beliau serta dianggotai Pegawai Daerah Sabak Bernam Ali Sadikin Sadim dansokongan agensi-agensi berkaitan.--  
**BERNAMA**

## Selangor Arah Pindah 1,000 Lembu Ancam Keselamatan Di Sabak Bernam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malay Mail	Malaysia	Online	18 Dis



Rizam menunjukkan surat arahan berkaitan isu itu di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Rabu.

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mengarahkan sebuah ladang di Sabak Bernam memindah dan mengosongkan segera lebih 1,000 lembu milik penternak yang berkeliaran sehingga mengakibatkan kemalangan maut.

Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Selangor, Datuk Rizam Ismail berkata, perkara itu telah dibangkitkan dalam mesyuarat khas bersama pihak terlibat pada Selasa.

"Kita juga menubuhkan

sebuah jawatankuasa khas yang bertanggungjawab memantau aktiviti penternakan di ladang ini," katanya semasa sidang media di Pejabatnya di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada Rabu.

Rizam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar memberitahu, hasil pertemuan itu juga, pihak ladang menyatakan terdapat lima hingga enam penternak haiwan itu yang menduduki tanah tersebut secara tidak

sah.

Sehubungan itu, tegas beliau, satu notis rasmi dikeluarkan kepada penternak bagi mengarahkan mereka memindahkan semua haiwan itu selewat-lewatnya pada 31 Januari depan.

"Jika arahan itu gagal dipatuhi, kerajaan negeri tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada pihak berkenaan mengikut peraturan ditetapkan," ujar beliau.

Beliau memberitahu, isu lembu berkeliaran membimbangkan kerana ia membabitkan keselamatan penduduk setempat terutama beberapa kes kemalangan sehingga meragut nyawa dilaporkan sebelum ini.

Kata beliau, kumpulan haiwan itu didapati sering menceroboh kawasan sekitar Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) Sabak Bernam serta beberapa laluan jalan utama dari Bagan Terap ke Sepintas.

"Keadaan ini menjaskan keselamatan pengguna jalan raya sekali gus menimbulkan keresahan penduduk Sabak Bernam," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya mencadangkan lokasi alternatif sementara seperti

di Sungai Lang dan Tebuk Jawa bagi menempatkan haiwan ternakan tersebut.

Selain itu, katanya, penternak dinasihatkan memohon tanah berstatus Lesen Pendudukan Sementara (TOL) daripada kerajaan negeri sebagai penyelesaian jangka panjang.

Sehubungan itu, Rizam meminta semua pihak terutama penternak mematuhi peraturan dengan menjaga ternakan menerusi kaedah betul seperti ditambat dan diikat bagi mengelak haiwan berkenaan berkeliaran di kawasan umum.

Sinar Harian pada 9 Februari lalu melaporkan, kerajaan Selangor tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap penternak yang membiarkan ratusan lembu menceroboh kawasan HTAJ Sabak Bernam.

Rizam memaklumkan, haiwan ternakan itu dikesan berkeliaran di kawasan hospital itu pada waktu malam dan dibiarkan meragut kawasan rumput di kawasan lapang hospital berkenaan.-[SINARHARIAN](#)

## Exco Tunggu NGO, Aktivis Haiwan Kemuka Solusi Isu Anjing Liar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TRDI.my	Semasa	Online	18 Dis



Rizam menunjukkan surat arahan berkaitan isu itu di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Rabu.

KUALA TERENGGANU, 18 Disember – Exco yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Veterinar menyeru para aktivis dan NGO pencinta haiwan untuk mengemukakan cadangan alternatif bagi menangani isu populasi anjing liar yang semakin membimbangkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, masalah yang dicetuskan oleh anjing liar terhadap kehidupan masyarakat tidak lagi perlu

dihuraikan kerana ia sudah diketahui umum.

Namun beliau menegaskan bahawa tindakan berdiam diri tanpa mencari penyelesaian adalah tidak bijak, memandangkan populasi haiwan tersebut terus meningkat.

"Saya juga telah dihubungi oleh beberapa aktivis dan NGO pencinta haiwan yang meluahkan rasa kecewa mereka berhubung insiden yang telah berlaku (di Besut).

"Dengan penuh hormat, saya

mohon mereka supaya mengemukakan satu solusi untuk menyelesaikan isu ini. Setiap masalah mesti ada jalan penyelesaiannya," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau turut mencadangkan agar NGO berkenaan mempertimbangkan pembinaan sebuah pusat perlindungan haiwan liar dan berkeliaran sebagai langkah proaktif untuk mengurangkan gangguan kepada masyarakat.

"Namun, sehingga kini katanya, pihak beliau masih belum menerima sebarang jawapan atau cadangan balas daripada pihak NGO.

"Saya berharap mereka bersedia untuk mengambil langkah-langkah yang dapat membantu mencari penyelesaian terbaik, demi kesejahteraan masyarakat dan juga haiwan-haiwan ini," tambahnya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, seorang kanak-kanak lelaki berumur 2 tahun 7 bulan maut dipercayai akibat diserang dan digigit sekumpulan anjing liar di Kampung Sungai Tohok, Semporna bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Semporna, Superintenden Mohd Sabri Zainol berkata pihaknya menerima laporan

berhubung perkara itu semalam daripada bapa saudara mangsa pada 10.33 pagi.

Dalam pada itu, dua ekor kucing yang ditemui mati dalam keadaan sadis di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi (FPE) Universiti Malaya (UM) disahkan bukan kerana didera manusia tetapi akibat serangan anjing.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Ku Mashariman Ku Mahmood berkata, pihaknya telah menerima aduan berhubung kejadian itu pada pukul 6.20 petang semalam.-[TRDI.MY](#)

# **TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR